

Du Ain Sdn Bhd & Anor v Low Chan Fai [2009] MLJU 1844

Malayan Law Journal Unreported

HIGH COURT (KUALA LUMPUR)

DATO TENGKU MAIMUN BIN TUAN MAT H

GUAMAN NO D6-22-12-2005

29 July 2009

Fahri Azzat (Izzat Othman & Audrey Quah with him) (Azzat & Izzat) bagi pihak plaintif.

D Paramalingam (Krish Maniam & Co) bagi pihak defendan .

Dato Tengku Maimun bin Tuan Mat H :

ALASAN PENGHAKIMAN OLEH YANG ARIF HAKIM DATO' TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT

[1]Datin Mariam Prudence binti Yusof, En. Mah Weng Kee dan En. Low Chan Fai (defendan), telah menandatangani suatu Perjanjian Pemegang Saham bertarikh 2.12.2002 (perjanjian) untuk memperbadankan syarikat House of Woohing Sdn Bhd. Pemegang-pemegang saham House of Woohing adalah Du Ain Sdn Bhd, Datin Mariam (plaintif-plaintif dalam tindakan ini), En. Mah Weng Kee dan defendan. Modal diterbitkan House of Woohing adalah 4,800,000 unit saham biasa bernilai RM1.00. Plaintif-plaintif memegang 3,200,000 unit saham manakala En. Mah Weng Kee dan defendan memegang 800,000 unit setiap seorang. Saham-saham yang dikeluarkan kepada En. Mah Weng Kee dan defendan masih belum dibayar dan dikeluarkan atas dasar "calls in arrears."

[2]Terdapat suatu kebuntuan (deadlock) di dalam pengurusan House of Woohing semenjak ia diperbadankan yang menyebabkan Datin Mariam dan En. Mah mengeluarkan suatu Surat Penamatan bertarikh 29.9.2004 kepada defendan. Melalui surat bertarikh 16.10.2004 defendan memberi notis kepada Datin Mariam dan En. Mah untuk menyelesaikan isu-isu yang tertunggak di antara pemegang-pemegang saham dan bahawa suatu 'Deadlock Notice' akan dikeluarkan jika ianya tidak diselesaikan.

[3]Pada 19.10.2004 defendan menyerahkan 'Deadlock Notice' kepada Datin Mariam dan En. Mah di mana defendan menawarkan untuk membeli kesemua saham-saham yang dipegang oleh Datin Mariam dan En. Mah pada Nilai yang Diperakukan. Defendan bagaimanapun tidak menyatakan berapakah harga belian yang akan dibayar kepada Datin Mariam, En. Mah dan juga Du Ain untuk saham-saham mereka.

[4] Pada 3.11.2004 Du Ain memohon juruaudit syarikat, BDO Binder, untuk mendapatkan Nilai yang Diperakukan bagi 800,000 saham yang dipegang oleh defendan. Pada 5.11.2004 Du Ain, Datin Mariam dan En. Mah telah menyampaikan 'counter notice' kepada defendan untuk membeli kesemua 800,000 unit saham yang dipegang oleh defendan pada nilai yang diperakukan ditambah 5 sen (RM0.05). Melalui 'counter notice' ini defendan juga dimaklumkan bahawa pembelian saham-saham ini akan dilengkapkan sebaik sahaja Nilai yang Diperakukan diterima daripada BDO Binder. Walau bagaimanapun, sebelum BDO Binder mengeluarkan Nilai yang Diperakukan, defendan melalui surat bertarikh 10.11.2004 memaklumkan bahawa beliau tidak bersetuju dengan tawaran balas yang diberikan. Defendan kemudiannya mengeluarkan notis di bawah klausa 10.6 perjanjian dan memfailkan petisyen penggulingan syarikat terhadap House of Woohing.

[5] Melalui surat bertarikh 12.11.2004, BDO Binders berpendapat nilai 800,000 saham yang dipegang oleh defendan adalah sebanyak RM666,440.00 (iaitu 800,000 unit saham pada kadar semasa RM0.833 seunit). BDO Binders juga berpendapat bahawa memandangkan defendan langsung tidak membuat bayaran terhadap saham-saham pada kadar par (iaitu RM1.00 se unit), maka nilai yang diperakukan untuk saham-saham defendan adalah kosong. Pendapat ini dipertikaikan oleh defendan di mana dikatakan pendapat ini bukanlah suatu laporan atau pendapat yang bebas.

[6] Setelah menerima nilai yang diperakukan, plaintif-plaintif melalui surat bertarikh 26.11.2004 menghantar banker's cheque kepada defendan berjumlah RM40,000.00 sebagai bayaran saham 800,000 yang dipegang oleh defendan berdasarkan $800,000 \times RM0.00 + RM0.05$.

[7] Plaintif-plaintif mengatakan bahawa memandangkan mereka telah membuat tawaran balas dan mengemukakan banker's cheque untuk jumlah RM40,000.00 defendan adalah terikat untuk menjual kesemua saham-sahamnya di dalam House of Woohing kepada plaintif-plaintif dan En. Mah. Oleh sebab defendan enggan atau gagal berbuat demikian, plaintif-plaintif melalui tindakan ini menuntut perlaksanaan spesifik untuk defendan menjual dan memindahmilik kesemua 800,000 unit saham yang dipegang olehnya kepada plaintif-plaintif dan En. Mah Weng Kee; untuk gantirugi kerana kegagalan defendan mematuhi peruntukan perjanjian serta kos.

KEPUTUSAN

[8] Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan pertikaian ini ialah klausa 10.2, 10.3, 10.4, 10.5 dan klausa 10.6 perjanjian. Klausa 10.2 dan 10.3 masing-masing memperuntukkan bahawa:-

"10.2 If and whenever a deadlock is deemed to have occurred, any party ("Server") shall be entitled at any time thereafter or within ninety (90) days of the meeting of the shareholders referred to in Clause 10.1 to serve a notice ("Deadlock Notice") on the other party ("Recipient") offering either to sell all (but not a part of) his shares in the Company at a price equivalent to the

Certified Value or to purchase all (but not part of) the Recipient's shares in the Company at a price equivalent to the Certified Value. Once given a Deadlock Notice cannot be withdrawn without the written consent of the Recipient.

- 10.3 Within thirty (30) days of service of a Deadlock Notice, the Recipient shall by written notice to the Server ("Counter Notice") be entitled to either accept the offer contained in the Deadlock Notice to sell all (but not part of) or if the offer contained was to purchase the Recipient's shares, to elect to purchase all (but not a part of) the Server's shares in the Company at a price equivalent to the Certified Value.
- 10.4 In the event that no Counter Notice is served by the Recipient on the Server within the thirty (30) days referred to in Clause 10.3; the Recipient shall be deemed to have accepted the offer contained in the Deadlock Notice.
- 10.5 Upon deemed acceptance of the Deadlock Notice or upon service of the Counter Notice (as the case may be), the parties shall become respectively bound to buy or sell accordingly and completion of any such sale and purchase shall take place at the registered office of the Company."

[9]Menurut klausa 10.2 defendan telah mengeluarkan notis untuk membeli kesemua saham plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif pula membuat tawaran balas untuk membeli saham-saham defendan tetapi tawaran balas ini tidak dipersetujui oleh defendan. Plaintif-plaintif bergantung kepada klausa 10.5 untuk menyokong pendiriannya bahawa defendan adalah terikat untuk menerima tawaran balas plaintif-plaintif manakala defendan pula bergantung kepada klausa 10.6 yang berbunyi:-

"10.6In the event that the Recipient is not agreeable to purchase the shares of the Server or to sell his shares to the Server (as the case may be) the parties hereby agree that that the Company shall be liquidated and the net proceeds from the liquidation of the Company shall be thereafter be distributed amongst the parties in accordance with the proportion of their shareholdings in the capital of the Company."

[10]Perlu dinyatakan bahawa petisyen penggulangan terhadap House of Woohing difailkan oleh defendan menurut klausa 10.6 perjanjian, sebelum tindakan ini difailkan oleh plaintif-plaintif. Perintah penggulangan telah diberikan oleh Mahkamah pada 6.11.2007.

[11]Peguamcara bijaksana plaintif antara lain berhujah bahawa tindakan defendan memfailkan petisyen penggulangan adalah mala fide dan bahawa pemfailan petisyen penggulangan syarikat menyalahi klausa 10.6 perjanjian dan bahawa plaintif-plaintif akan mengalami kesusahan dan prejudis jika pelaksanaan spesifik tidak diberikan kerana perniagaan syarikat adalah baik dan terdapat 5 cawangan syarikat tersebut.

[12]Peguamcara pihak defendan pula antara lain berhujah bahawa tindakan plaintif di sini telah menjadi 'redundant' kerana petisyen penggulangan telah dibenarkan oleh Mahkamah dan bahawa plaintif terikat dengan isu estoppel dan res judicata. Peguamcara bijaksana plaintif tidak menyangkal pengataan defendan bahawa isu-isu yang sama telah dibangkitkan dan diputuskan oleh Mahkamah penggulangan, tetapi berhujah bahawa tidak wujud res judicata atau isu estoppel kerana prinsip-prinsip yang digunapakai dalam petisyen penggulangan dan tindakan pelaksanaan spesifik tidak sama. Tindakan ini, hujah peguamcara plaintif, bukannya 'redundant' kerana perintah penggulangan telah ditangguhkan sementara menunggu pelupusan rayuan plaintif-plaintif di Mahkamah Rayuan.

[13]Saya bersetuju bahawa tindakan ini telah menjadi 'redundant' apabila Mahkamah

membenarkan petisyen penggulungan sekali gus bermaksud bahawa isu sama ada tindakan defendan memfailkan petisyen penggulungan adalah tindakan yang betul, telah diputuskan oleh Mahkamah. Pemakaian doktrin res judicata, pada pendapat saya bukanlah bergantung kepada sama ada terdapat persamaan prinsip-prinsip dalam permohonan pelaksanaan spesifik dan petisyen penggulungan tetapi sama ada isu-isu yang dibangkitkan di sini telah dibangkitkan dan diputuskan atau sama ada isu-isu di sini boleh dan sepatutnya dibangkitkan di dalam petisyen penggulungan.

[14]Oleh sebab isu-isu dalam tindakan ini telah dibangkitkan dan diputuskan di dalam prosiding petisyen penggulungan syarikat, doktrin res judicata adalah terpakai di sini (sila lihat kes-kes *Asia Commercial Finance (M) Berhad v Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 CLJ 783 dan *Nanang International Sdn Bhd v The China Press Bhd* [1999] 6 CLJ 213.) Berdasarkan yang tersebut di atas tuntutan plaintif-plaintif adalah ditolak dengan kos.